

08 JUL 1997

Muhyiddin-Komanwel

LIMA BELAS JAWATANKUASA BARU UNTUK KELOLA SUKAN KOMANWEL 1998

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Sebanyak 15 jawatankuasa pengurusan baru ditubuhkan hari ini di bawah Jawatankuasa Eksekutif Sukan Komanwel bagi melancarkan lagi pengelolaan temasya sukan itu di negara ini tahun depan.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin juga berkata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya seluruh jentera kerajaan yang ada kaitan dengan penganjuran sukan itu memberikan bantuan dan sokongan sepenuhnya.

"Sebelum ini terdapat lima jawatankuasa di bawah Majlis Sukan Komanwel (MSK) dan 12 di bawah Sukom Ninety Eight Berhad...hari ini kita memutuskan format baru untuk Jawatankuasa Eksekutif," kata Muhyiddin kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis yang dipengerusikan Anwar di sini.

Muhyiddin ialah Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif tersebut manakala Pengerusi Eksekutif Sukom Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali ialah Timbalan Pengerusi. SUKOM ialah penganjur Sukan Komanwel 1998.

Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan termasuk yang melibatkan infrastruktur dan kemudahan; penyediaan atlit; perkhidmatan sokongan; kebudayaan, kesenian dan pelancongan; publisiti dan komunikasi; acara pembukaan dan penutupan.

Jawatankuasa lain ialah kewangan; perubatan dan doping; pemasaran; kecantikan bandar dan tempat; keselamatan dan trafik; sukan dan penyediaan pegawai teknikal; pengangkutan; upacara; dan protokol.

Muhyiddin berkata cadangan tentang penyusunan semula Jawatankuasa Eksekutif di bawah MSK dibuat selepas Kabinet memutuskan supaya penyelarasan dibuat antara jawatankuasa pengurusan Sukom dan jawatankuasa sokongan di bawah MSK.

"Kita percaya struktur baru ini akan memantapkan lagi apa yang telah dilaksanakan Sukom setakat ini.

"Matlamat akhir kita ialah supaya pengendalian keseluruhan temasya sukan ini berjalan lebih lancar," katanya.

Muhyiddin juga berkata Jawatankuasa Eksekutif akan bermesyuarat setiap bulan dan pada mesyuarat bulan ini, kesemua jawatankuasa terbabit akan mengemukakan laporan terkini masing-masing.

Menurutnya keputusan berhubung mana-mana perkara penting akan dibuat selepas dibincang dan mendapat persetujuan MSK.

"Kita juga meminta urusetia Sukom membuat laporan pada setiap mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif," katanya.

Muhyiddin berkata Anwar berpuas hati dengan laporan kemajuan pengelolaan sukan itu yang disampaikan Hashim. Pengerusi MSK, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menghadiri mesyuarat hari ini kerana bercuti di luar negara.

Mengulas arahan Anwar supaya seluruh jentera kerajaan termasuk yang berada di luar jawatankuasa pengurusan baru memberikan kerjasama dalam menganjurkan sukan itu, Muhyiddin berkata beliau dan Hashim diberikan mandat untuk berurusan terus dengan pihak yang terlibat.

"Kalau perkara itu memerlukan keputusan Perdana Menteri atau Pemangku Perdana Menteri, kita akan membawakan perkara itu kepada pengetahuan mereka," katanya.

Muhyiddin ditugaskan oleh Kabinet untuk memainkan peranan utama dalam pengelolaan Sukan Komanwel 1998, bulan lepas.

Sementara itu Hashim berkata kedudukannya sebagai Timbalan Pengerusi

jawatankuasa eksekutif itu akan membolehkan beliau menyatakan perkara tertentu secara langsung kepada pelbagai jawatankuasa.

"Ada yang kata kuasa Pengerusi Sukom telah terhakis. Bukan begitu halnya. Apa yang sebenarnya berlaku ialah saya sebagai timbalan pengerusi jawatankuasa eksekutif dapat meningkatkan pengaruh saya dalam lingkungan seluruh jentera kerajaan untuk bergerak bersama-sama," kata Hashim.

Beliau berkata Sukom kekal sebagai penganjur Sukan Komanwel dan struktur baru itu menunjukkan bahawa syarikat itu sedang dibantu oleh jawatankuasa yang sangat kukuh itu.

Mengenai publisiti dan promosi bagi sukan itu, beliau berkata media akan diberitahu minggu depan mengenai seluruh program publisiti antara bulan ini dan September tahun depan. -- BERNAMA

MAM MT NMO